



USIM Naib Johan dimenangi Kumpulan Intracksee dari USIM.



KUMPULAN Fawzan dari Universiti Malaya menduduki tempat ketiga.



KUMPULAN nasyid UMT.

UPM juara nasyid IPTA UMS-KAL 2012

UB 10-04-2012 B7

KUMPULAN nasyid Nahwan Nur yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) muncud juara Festival Nasyid Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012 anjuran Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang diadakan di Dewan Utama, UMS-KAL, malam Ahad lalu.

Kumpulan itu yang menyanyikan dua buah lagu Cemerlang Akhlak Sahsiah Terpuji dan Sampai Bila membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 dan piala iringan.

Nahwan Nur turut meraih hadiah kategori Lagu dan Lirik Terbaik.

Tempat kedua disandang Kumpulan Intracksee yang mewakili Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selepas menyampaikan dua lagu Seiring Melangkah dan Seperti Inikah Dunia untuk memenangi RM2,000 dan piala iringan.

Kumpulan itu turut memenangi hadiah persembahan terbaik.

Hadiah tempat ketiga yang bernilai RM1,500 dan piala iringan dimenangi Kumpulan Fawzan dari Universiti Malaya (UM) yang menyanyikan lagu Gemilang dan Seru.

Fawzan juga meraih hadiah solo terbaik melalui penyanyinya, Nuzul Muslim Ahmad Sanusi.



YUSSOF (lapan kanan) dan Dr Shariff (enam dari kanan) bersama Kumpulan Nahwan Nur dari UPM yang menjuarai Festival Nasyid IPTA 2012 di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).



NYANYIAN beramai-ramai bersama artis jemputan.

Turut menyertai festival yang julung-julung kalinya diadakan itu ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kota Kinabalu dan tuan rumah, UMS-KAL.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah

disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yusoff Mahal.

Hadir sama isteri Yusoff, Datin Isfahani Ishak, Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang, Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnijn Mattersah dan Penolong

Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Norhanizah Adnan.

Turut hadir Penyelaras Program, Nurhamiza Mumin dan Pengarah Festival Nasyid IPTA 2012, Soffian Rosman.

Majlis penutupan itu diserikan lagi dengan persembahan artis jemputan iaitu Kumpulan Far East dan Hasnul dari Kumpulan Diwani serta deklamasi sajak.

Pada majlis itu, Yusoff menyampaikan sumbangan RM5,000 kepada Soffian yang mewakili Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang menganjurkan Festival Nasyid IPTA 2012 yang berlangsung pada 6 dan 7 April lalu.

Dalam ucapannya, Yusoff yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan mengalu-alukan



KUMPULAN nasyid tuan rumah, UMS-KAL.



KUMPULAN nasyid UITM KK.

penganjuran acara seperti itu kerana ia mampu membantu menjana ekonomi dan industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan dengan kehadiran peserta dari Sabah dan Semenanjung. Katanya, selain untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara UMS-KAL dan IPTA, ianya juga mampu mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan dalam kalangan mahasiswa di Semenanjung termasuk dari segi adat, makanan dan pakaian serta dialek tempatan.

Sementara itu, Prof Dr Shariff berkata festival itu akan diteruskan pada masa akan datang dengan mengadakan pertandingan nasyid dalam bahasa



AHLI Jawatankuasa Penganjur bergambar kenangan bersama Yusoff.

Inggeris selaras dengan kedudukan UMS-KAL sebagai IPTA bertaraf antarabangsa yang mempunyai pensyarah dan pelajar antarabangsa. Beliau turut mengucapkan

terima kasih kepada semua pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan, perbankan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) yang bersama-sama menjayakan Festival Nasyid IPTA 2012.